



KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH PASIR GUDANG

# KERTAS KERJA

---

## **IPAD STUDENT TECH LEADER TAHUN 2025**

**Dengan Kerjasama**

**UNIT SUMBER DAN TEKNOLOGI PENDIDIKAN  
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH PASIR GUDANG**

## **IPAD STUDENT TECH LEADER TAHUN 2025**

### **1. PENGENALAN**

*Program Student Tech Leader* yang dianjurkan kepada Sekolah Rintis Bangsa Johor ini dirangka bagi melahirkan pelajar yang mahir dalam penggunaan teknologi, khususnya iPad, sebagai alat pembelajaran utama. Melalui bengkel ini, pelajar akan didedahkan dengan strategi pembelajaran digital yang lebih maju, kemahiran aplikasi kreatif, serta kaedah penyelidikan dan pengurusan akademik yang efektif. Selain itu, program ini turut menekankan pembangunan kemahiran kepimpinan melalui aktiviti bimbingan rakan sebaya, di mana pelajar berperanan untuk menyokong, mengajar, dan membimbing rakan lain dalam penggunaan teknologi. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan literasi digital pelajar, malah membentuk budaya kolaboratif dan komuniti pembelajaran yang berterusan di sekolah.

### **2. MATLAMAT**

*Program Student Tech Leader* bertujuan untuk membangunkan pelajar yang berdaya saing dalam era digital dengan menguasai kemahiran penggunaan iPad secara berkesan, serta melahirkan generasi pelajar yang mampu menjadi pemimpin teknologi di sekolah melalui bimbingan rakan sebaya dan sokongan berterusan.

### **3. OBJEKTIF**

- 3.1 Meningkatkan kemahiran pelajar dalam penggunaan aplikasi iPad untuk tujuan akademik, penyelidikan, kreativiti dan pengurusan pembelajaran.
- 3.2 Membolehkan pelajar menguasai strategi pembelajaran digital yang inovatif dan praktikal.
- 3.3 Membentuk pelajar yang berupaya membimbing, menyokong, dan memberi tunjuk ajar kepada rakan sebaya dalam penggunaan teknologi.
- 3.4 Menggalakkan pelajar menubuhkan rangkaian sokongan teknologi yang mampan melalui program bimbingan, mentor-mentee, serta inisiatif sokongan pembelajaran di sekolah..

### **4. SASARAN**

100 pelajar dari sekolah rendah SRBJ dan 100 pelajar dari sekolah menengah SRBJ

### **5. PELAKSANAAN**

Program ini akan dilaksanakan seperti ketetapan di bawah :

Tarikh : 7 - 8 Oktober 2025 ( Selasa - Rabu )

Tempat : Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Kota Puteri 2

Masa : 8:00 pagi – 3:00 petang

## 6. TENTATIF

8:00 pagi	Aktiviti Ice Breaking dengan Clips
8:30 pagi	Menjana Idea melalui FreeForm
9:00 pagi	Rehat
9:30 pagi	Kreativiti dengan Keynote
10:30 pagi	Potensi Muzik Anda dengan GarageBand
11:30 pagi	Menghasilkan Artifak dalam Pages
12:30 t/hari	Kerja Berkumpulan
3:00 ptg	Tamat

## 5. JAWATANKUASA INDUK

Sila rujuk Lampiran A

## 6. ANGGARAN KOS ( Setiap siri )

<b>Bil.</b>	<b>Butiran Perbelanjaan</b>	<b>Kos (RM)</b>	<b>Jumlah (RM)</b>
1.	Makan dan Minum	230 x RM 15.00	RM 3450.00
2	Cenderamata	5 x RM 20.00	RM 100.00
3.	Bunting ( 2ft x 5ft )	2 x RM 25.00	RM 50.00
	<b>Jumlah</b>		<b>RM 3600.00</b>

## 7. SUMBER KOS

Waran Peruntukan Kerajaan OS4200

## 8. PENUTUP

Secara keseluruhannya, Program *Student Tech Leader* ini diharapkan dapat memberi pendedahan yang bermakna kepada para pelajar dalam menguasai kemahiran teknologi terkini serta memperkasa peranan mereka sebagai pemimpin digital di sekolah. Melalui penguasaan aplikasi iPad, pelajar bukan sahaja dapat meningkatkan pencapaian akademik, malah berupaya membimbing rakan sebaya ke arah penggunaan teknologi yang lebih berkesan. Dengan adanya rangkaian sokongan berterusan, program ini diyakini mampu melahirkan generasi pelajar yang inovatif, kreatif dan bersedia menghadapi cabaran abad ke-21.

Disediakan oleh,

Disahkan oleh,

( AFZAM BINTI ABDULLAL )  
Pen. Pegawai Pendidikan Daerah  
Sumber Teknologi dan Pendidikan  
Daerah Pasir Gudang

( AIN BINTI IZAHAR )  
Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah  
Pasir Gudang ( Pembelajaran )  
Pegawai Pendidikan Daerah Pasir Gudang

**11. MAKLUMAT KELULUSAN UNTUK DILENGKAPKAN OLEH  
PEGAWAI PENDIDIKAN DAERAH PASIR GUDANG**

	<b>DILULUSKAN</b>	Ulasan PPD Pasir Gudang (Jika Ada Pindaan/Tidak Diluluskan)
	<b>TIDAK DILULUSKAN</b>	
(Tandatangan dan Cop PPD Pasir Gudang)  Tarikh :		

Lampiran A

**JAWATANKUASA INDUK**

**IPAD STUDENT TECH LEADER TAHUN 2025**

**PENGERUSI**

Pegawai Pendidikan Daerah Pasir Gudang  
Pejabat Pendidikan Daerah Pasir Gudang

**TIMBALAN PENGERUSI**

Pn Ain binti Izahar  
Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah Pasir  
Gudang ( Pembelajaran )  
Pejabat Pendidikan Daerah Pasir Gudang

**PENGERUSI PENGELOLA**

Pn. Afzam binti Abdullal  
En Ahmad Irzam bin Ahmad Malek  
En Sheikh Mohamad Syahid bin Sheikh Omar  
Penolong Pegawai Pendidikan Daerah Pasir Gudang  
Unit Sumber dan Teknologi Pendidikan  
Pejabat Pendidikan Daerah Pasir Gudang

**12.0 STRATEGI PELAKSANAAN**

<b>BIL</b>	<b>TARIKH</b>	<b>PERKARA</b>	<b>TINDAKAN</b>	<b>CATATAN</b>
1	21.08.2025	Perbincangan bersama USTP untuk draf kertas kerja	Penyelaras / GPM	Membuat draf Kertas Kerja
2	22.08.2025	Penyediaan Draft Kertas Kerja untuk semakan	Penyelaras / GPM	Mengedit Kertas Kerja jika perlu
3	07.09.2025	Penetapan Pusat Kegiatan Guru (PKG )yang terlibat sebagai lokasi	Penyelaras / GPM	Pembentangan bersama USTP
4.	14.09.2025	Pembentangan bersama Timbalan , dan USTP	Penyelaras / USTP/ AJK Pelaksana	Pembentangan dan pembahagian tugas AJK
5	15.09.2025	Pembentangan kepada GPM sekolah Inovasi Akhbar	Penyelaras / USTP dan GPM sekolah	Lancar/tidak
6	17.09.2025	Edaran surat menyurat	Penyelaras / USTP/ GPM	Lancar/tidak
7	19.08.2025	Lawatan dan bimbingan kepada GPM	Penyelaras / USTP/ AJK Pelaksana	Lancar / Tidak
8	7.10.2025 8.10.2025	Ipad Student Tech Leader berlangsung	Semua yang terlibat	Lancar / Tidak